

**NO. SOALAN : 394**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**

**RUJUKAN : 9455**

**SOALAN :**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik pelajar asing yang telah diambil tindakan atas kesalahan salah guna permit pelajar sehingga tahun 2015 mengikut negara asal mereka.**

**JAWAPAN:**

**Sejak tahun 2011 hingga 2015, seramai 186 orang pelajar telah ditangkap kerana menyalahgunakan pas pelajar mereka di bawah Peraturan 39(b), Peraturan- Peraturan Imigresen 1963. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada warganegara Bangladesh (84 orang), China (35 orang), Indonesia (10 orang), Pakistan (9 orang), Nigeria (5 orang), Filipina (4 orang), India (3 orang), Yemen (1 orang) dan lain-lain warganegara seramai 35 orang.**